

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

17. Sila nyatakan anggaran nilai dan jenis pelaburan yang dijangka akan masuk ke Negeri Pulau Pinang untuk suku ketiga dan keempat tahun 2020.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Berdasarkan kajian dan pemerhatian Invest Penang melalui beberapa siri perbincangan bersama pelabur-pelabur, potensi pelaburan di Negeri Pulau Pinang masih akan kekal tertumpu kepada industri-industri yang berkaitan dengan peralatan perubatan (*medical devices*), pembuatan mesin dan peralatan serta elektrik dan elektronik.

Walaupun bagaimanapun, memandangkan pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada perniagaan serta perusahaan di seluruh dunia, pada masa ini adalah terlalu awal untuk menganggar nilai pelaburan untuk suku ketiga dan ke empat tahun 2020.